

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 21.11.2016

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil Kerajaan apabila bank-bank perdagangan di Malaysia yang menutup cawangan di kawasan tertentu sehingga menimbulkan kesulitan kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Kuala Krai bersama-sama soalan daripada Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang memandangkan ianya menyentuh perkara dan isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum penutupan mana-mana cawangan, Bank Negara Malaysia (BNM) memerlukan institusi perbankan berkaitan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Memastikan mukim yang terlibat masih mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan;
- (ii) Pengguna yang terjejas dimaklumkan berkenaan penutupan dan akses alternatif kepada perkhidmatan kewangan berdekatan sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh perancangan cawangan ditutup; dan
- (iii) Kepentingan pengguna yang terjejas perlu dipertimbangkan sebelum penutupan cawangan tersebut.

Berikutan langkah-langkah berterusan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan, termasuk pelaksanaan ejen bank berdaftar (EB) pada 2012, rangkaian cawangan bank dan EB telah berkembang untuk menyediakan sekurang-kurangnya lima pusat akses kepada perkhidmatan kewangan di 137 daerah daripada kesemua 144 daerah di Malaysia. Tambahan pula, orang awam juga boleh mengakses perkhidmatan kewangan yang mudah daripada rangkaian perbankan dalam talian yang merangkumi pelbagai transaksi perbankan, termasuk perkhidmatan pembayaran bil serta pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua,

EB dilantik oleh institusi kewangan untuk menyampaikan perkhidmatan kewangan dan antara perkhidmatan perbankan asas yang disediakan adalah seperti berikut :

- (i) Mengambil deposit;
- (ii) Mengendalikan pengeluaran wang;
- (iii) Mengendalikan pindahan dana / wang;
- (iv) Menerima pembayaran pinjaman / pembiayaan;
- (v) Mengendalikan pembayaran bil; dan
- (vi) Membuka akaun simpanan (Bank Simpanan Nasional sahaja).

Selain itu, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak awam (*community requests*), BNM akan memaklumkan institusi-institusi perbankan tentang peluang-peluang untuk menyediakan perkhidmatan kewangan di kawasan-kawasan yang menghadapi kesukaran mengakses perkhidmatan kewangan.